

# Ancaman Soviet: Usno akan hantar memorandum kepada PM

KOTA KINABALU, Isnin — Perhimpunan agung Usno yang berakhir lewat malam tadi bersetuju supaya satu memorandum dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyokong apa jua tindakan yang telah dan akan diambil oleh pucuk pemimpin terhadap ancaman Soviet Union terhadap negara-negara Asean.

Usul itu yang dikemukakan oleh Pergerakan Pemuda Usno diluluskan sebulat suara oleh perhimpunan itu.

Bagalmanapun, usul Pergerakan Wanita Usno mendesak pucuk pimpinan parti itu membenarkan semua harta benda dan sumber-sumber kewangan di seluruh bahagian dan cawangan ditadbirkan oleh Ibu Pejabat Usno, telah ditolak.

Sidang dua hari itu juga meluluskan beberapa usul meminda perlembagaan parti itu. Usul itu dibawa oleh Majlis Tertinggi Pusat.

Dalam pemilihan jawatan Timbalan Presiden parti, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Semporna, Datuk Sakaran Dandai terpilih dengan 314 undi manakala lawannya, Encik Pandikar Amin Haji Mulai mendapat 185 undi.

Pengasas parti, Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun dipilih semula sebagai presiden tanpa tanding.

Bagalmanapun, Encik Pandikar Amin yang juga anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Usukan, mendahului lain-lain calon bagi jawatan naib-presiden. Beliau mendapat 412 undi.

Enam lagi naib-presiden yang pilih dalam perhimpunan itu ialah Haji Ampong Puyong (333 undi), Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kunak, Encik Salim Bacho (322), Encik Mohamed Omar Bledram (319), Datuk Haji Idrus Matakim (281), Encik Mohamed Yassin Burawi (224) dan Encik Ahmad Tamrin Haji Zaini (195).

Bagi jawatan anggota Majlis Tertinggi pula seramai 69 calon bertanding untuk merebut 23 kerusi.

Mereka yang terpilih ialah Encik Piting Mohamed Ali (264 undi), Encik Yusof Manan (262), Datu Amir-kahar Tun Datu Haji Mustapha (252), Encik John O.T. Ghani (212), Encik Uding Lana (209), Encik Amran Tungkur (191), Encik Juslie K.K. Ajilor (186), Pengiran Ahmad Pengiran Indar (181).

Lain-lain yang dipilih ialah Awang Osman Salleh (175), Datu Haji Abdul Salam Datu Harun (174), Encik Darusallah Jikri (169), Encik Suhaimi Datu Abble (165), Puan Norjan Badarkan (163), Pengiran Hashim Pengiran Ibrahim (152), Encik Sairin Karano (150), Encik Abdul Rahman Kimbuyo (144), Encik Mohamed Omar Amsulong (140), Encik Abdul Rahman Asgari (135), Encik Ramli Wen (135), Encik Mohamed Zin Mad (126), Encik-Hamzah Haji Omar (126) Encik Rahria Lahami (121) dan Puan Rosta Linggu (120). — Bernama.

Bahan asal dari Arkib